

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR**  
**[ TUMPAT ]**

**TARIKH : 19 JUN 2014**

**SOALAN : Dato' Kamarudin bin Jaffar [ Tumpat ]**  
minta **MENTERI LUAR NEGERI**  
menyatakan apakah tindakan-tindakan  
susulan Kerajaan untuk memastikan  
pelaksanaan terma-terma perjanjian damai  
Filipina Selatan yang diusahakan oleh  
Malaysia

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Kamarudin bin Jaffar di atas pertanyaan dan keprihatinan terhadap usaha negara membantu mencapai keamanan serantau.

2. Seperti Dewan yang mulia ini sedia maklum, Perjanjian Komprehensif Bangsamoro (CAB) di antara Kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) telah pun dimeterai pada 27 Mac 2014 dan turut disaksikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia. Malaysia memainkan peranan penting sebagai Fasilitator dalam proses damai di antara kedua-dua belah pihak tersebut sejak tahun 2001. Malaysia melihat Perjanjian tersebut bukan sahaja mampu menjamin hak rakyat Bangsamoro, bahkan juga kedaulatan negara. Malaysia memantau secara dekat perkembangan dan pelaksanaan terma-terma yang terkandung di dalam Perjanjian tersebut dan berharap agar kedua pihak akan terus memberikan komitmen bagi memastikan perdamaian dicapai.

3. Berdasarkan peruntukan CAB, Suruhanjaya Peralihan Bangsamoro (*Bangsamoro Transition Commission-BTC*) telah dibentuk oleh Presiden Filipina untuk menggubal deraf Undang-Undang Asas Bangsamoro (Bangsamoro Basic Law – BBL). Deraf BBL tersebut telah diserahkan kepada Pejabat Presiden Filipina (*Office of the President-OP*) pada 22 April 2014 untuk diperhalusi sebelum diserahkan kepada Kongres Filipina sebagai rang undang-undang.

4. Kerajaan Malaysia melalui pejabat Fasilitator rundingan damai GPH-MILF telah meneruskan usaha-usaha bagi memastikan pelaksanaan CAB mengikut jadual. Usaha-usaha ini meliputi beberapa siri rundingan rasmi dengan kedua-dua pihak mengenai keanggotaan lima buah mekanisme normalisasi iaitu *Joint Normalization Committee (JNC)*, *Independent Decommissioning Body (IDB)*, *Transitional Justice and Reconciliation Commission (TJRC)*, *Joint Peace and Security Committee (JPST)* dan *Joint Peace and Security Team (JPST)*. Mekanisme-mekanisme tersebut bertanggungjawab dalam melaksanakan program-program normalisasi seperti mana yang termaktub di dalam CAB.

5. Selain itu, Malaysia turut mengadakan *engagement* berterusan dengan pelbagai *stakeholders* di Filipina terutamanya Pejabat Presiden Filipina, Pejabat Penasihat Presiden Mengenai Rundingan Damai (*Office of the Presidential Adviser on the Peace Process-OPAPP*), MILF dan juga melalui Pertubuhan Kerjasama Islam (*Organization of Islamic Cooperation-OIC*) dalam usaha memastikan kejayaan pelaksanaan CAB tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **DATO' IR HAJI NAWAWI BIN AHMAD**

**TARIKH** : **19 JUN 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN** : **58**

**Dato' Ir. Haji Nawawi bin Ahmad [ Langkawi ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah ada cadangan dari pihak Kementerian untuk mewujudkan Lembaga Pelabuhan Kedah kerana negeri Kedah mempunyai jajaran pantai dan laut yang panjang. Juga terdapat pelabuhan yang baik terutama di Langkawi. Malangnya, negeri Kedah tidak mempunyai lembaga pelabuhannya sendiri.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman dewan yang mulia ini, Kementerian Pengangkutan tidak mempunyai rancangan untuk menubuhkan Lembaga Pelabuhan Kedah setakat ini.